

**PERTANYAAN BAGI JAWAPAN LISAN
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEEMPAT,
PARLIMEN KETIGA BELAS, DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : Y.B. DATUK DR MAKIN @ MARCUS MAJIGOH
(PUTATAN)**

NO. SOALAN : 116

TARIKH : 17 MEI 2016 (SELASA)

Y.B. DATUK DR MAKIN @ MARCUS MAJIGOH meminta Perdana Menteri menyatakan;

- a) Bilakah Malaysia akan menyertai konvensyen antarabangsa mengenai penghapusan segala bentuk diskriminasi kaum (ICERD) seperti yang telah diterima pakai dan dibuka untuk ditandatangani dan diratifikasi oleh Perhimpunan Agung Bangsa-bangsa Bersatu (PBB) tahun 1965; dan
- b) Sekiranya Kerajaan bercadang untuk menyertai ICERD, bilakah ianya berlaku?

JAWAPAN

Tuan Yang diPertua,

- a) Kerajaan masih meneliti keseluruhan kandungan dokumen *International Convention on the Elimination of All Forms of Racial Discrimination* (ICERD). Memandangkan ia perlu dilihat dari pelbagai sudut terutama peruntukan-peruntukan yang terkandung dalam Perlembagaan Malaysia, dan senarai bersama serta senarai negeri seperti jadual dalam Perlembagaan Persekutuan berkenaan.

- b) Setakat ini, Kerajaan belum membuat apa-apa penetapan untuk meratifikasikan ICERD dalam masa terdekat.

Sekian, terima kasih.

Bahagian Pengurusan Perpaduan

Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional